

BAB PERTAMA

PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG

Apabila seorang suami dipenjarakan, ia akan meninggalkan sekurang-kurangnya seorang isteri di luar. Seringkali ia juga meninggalkan lebih daripada seorang isteri dan anak. Apabila keadaan ini berlaku, lazimnya isteri akan mengambil alih peranan ketua keluarga dan pencari nafkah (Fishman 1990; Kaslow 1978).

" The loss of one's husband also means loss of a life partner, triggering a complex range of feelings in the wife ".

(Bakker, Morris & Janus 1978)

Tambahan pula sekiranya isteri dan anak-anak tidak mempunyai sumber pendapatan, keluarga berkenaan akan mengalami pelbagai masalah sosial dan ekonomi seperti anak-anak tidak bersekolah, isteri berlaku curang, kucar-kacir dalam rumah tangga dan ketiadaan wang (Daniel & Barrett 1981; Morris 1965).

1.1 PERMASALAHAN DAN MATLAMAT KAJIAN

Kesan kepenjaraan ini mempunyai hubungan yang jelas dengan banduan yang mempunyai isteri dan anak. Oleh itu, kajian ini akan meneliti segala bentuk masalah yang dialami oleh keluarga banduan khususnya oleh isteri dalam mengendalikan kehidupan sepanjang peninggalan suaminya. Di

samping itu, kajian ini menyelidiki sama ada masalah yang dihadapi merupakan masalah yang muncul setelah ketiadaan suami ataupun sudah berputik semasa suami masih di luar, tetapi diperburukkan oleh ketiadaan suami.

Dalam suasana sebegini, sudah pasti kita akan melihat apakah strategi yang dilakukan oleh isteri untuk mengawal keseimbangan dan kestabilan dalam keluarga serta mengurangkan tegangan yang dialami (Clemens 1957; Derlega & Louis 1979). Selain itu, dalam mengendalikan masalah ketiadaan suami, adakah isteri mencari orang ketiga bagi membantu meringankan beban yang sedang ditanggung.

Pada hakikatnya, masalah kepincangan keluarga merupakan isu yang hangat diperbincangkan, tambahan pula dalam konteks melahirkan masyarakat penyayang. Keluarga sebagai tunggak dalam menentukan kebahagiaan negara. Oleh itu, masalah yang dihadapi oleh keluarga banduan ini akan menjadi satu masalah sosial yang ketara jika tidak diberi perhatian. Kita tidak mahu keluarga banduan tersisih semata-mata kerana kesalahan yang dilakukan oleh suami/bapa. Oleh itu, masalah keluarga banduan yang dikaji ini akan menunjukkan kepada kita kemungkinan masalah yang dihadapi oleh keluarga banduan dapat dibendung jika diberi perhatian.

1.2 METODOLOGI

1.2.1 Persampelan

Dalam kajian ini, sampel dibahagikan kepada dua. Pertama ialah banduan yang berada di Penjara Pusat Selangor dan Penjara Dadah Selangor, Kajang. Seramai 104 orang banduan telah ditemui bual iaitu 72 orang dari Penjara Pusat Selangor dan 32 orang dari Penjara Dadah Selangor. Mereka terdiri daripada 67 orang Melayu (64.4% daripada jumlah sampel), 12 orang Cina (11.5% daripada jumlah sampel) dan 25 orang India (24.1% daripada jumlah sampel).

Pemilihan banduan ini dilakukan oleh Bahagian Keselamatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia dengan kerjasama Pengarah Penjara Pusat Selangor. Menurut Bahagian ini pemilihan dilakukan atas dasar keselamatan kepada penjara dan pengkaji.

Dari segi agama dan kepercayaan seramai 65.4 % beragama Islam. 20.1% beragama Hindu, 10.6% beragama Buddha dan 3.9% beragama Kristian.

Dari segi umur, banduan termuda yang ditemui adalah berusia 25 tahun dan yang paling tua ialah 68 tahun. Seramai 27.9% banduan berusia 25 hingga 35 tahun, 44.2% banduan berumur antara 36 hingga 46 tahun. 23.1% banduan berumur 47 hingga 57 tahun dan 4.8% banduan berusia 58 hingga 68 tahun.

Semua banduan yang ditemui ialah mereka yang sudah berkahwin. 91.3% daripada mereka mempunyai seorang isteri, 6.7% dua orang isteri dan 1.9% memiliki tiga orang isteri.

Banduan telah ditemui bual di Penjara Pusat Selangor dan Penjara Dadah Selangor, Kajang dari 16 Jun hingga 16 Ogos 1992. Persoalan yang dikemukakan ketika ditemui bual adalah seperti berikut:

Pertama mengenai latar belakang responden yang aspek umur, bangsa, pekerjaan, pendapatan, latar belakang keluarga, mengenai perkahwinan, pekerjaan isteri, jumlah dan usia isteri jumlah dan usia anak. Mengenai kesalahan responden, tahun berapa responden dipenjarakan, berapa kali dijatuhkan hukuman penjara dan apakah perasaan responden dengan kehidupan di penjara?

Kedua mengenai hubungan responden dengan isteri anak, ibu bapa saudara mara dan jiran. Keadaan hubungan dengan isteri (sebelum dan setelah dipenjarakan). Hubungan dengan anak, ibu bapa, mertua, saudara mara dan jiran (sebelum dan setelah dipenjarakan). Adakah isteri melawat responden? Berapa kali isteri melawat? Adakah responden menulis surat kepada isterinya? Apakah pandangan responden terhadap isterinya?

Ketiga mengenai rancangan masa depan responden. Apakah yang ingin dilakukan oleh responden apabila tamat hukuman penjara?

Golongan sampel yang kedua ialah isteri banduan dalam sampel pertama. Maklumat mengenai tempat tinggal isteri banduan ini didapati daripada rekod banduan atau banduan sendiri dengan bantuan daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat yang berkhidmat dalam penjara. Setelah mendapat kebenaran daripada banduan barulah isteri mereka ditemui. Seramai 115 orang isteri sepatutnya ditemui dan ditemu bual tetapi hanya 83.5% sahaja dapat ditemu bual. 8 orang isteri enggan ditemu bual yang terdiri daripada 2 orang isteri Melayu, 2 orang isteri India dan 4 orang isteri Cina. Sementara 11 orang isteri (9.6%) tidak dapat dikesan. Dari pada 96 orang isteri yang ditemu bual, seorang daripadanya berada dalam tahanan di Penjara Wanita Selangor.

Isteri-isteri yang tidak dapat kesan disebabkan oleh:

- i. Alamat yang diberi oleh banduan tidak tepat. Ini melibatkan 2 orang isteri.
- ii. 3 orang isteri banduan berpindah tanpa memberitahu suaminya.
- iii. 4 orang banduan tidak bercakap benar dengan pengkaji.

- iv. Isteri banduan tidak tinggal di Wilayah Persekutuan atau Selangor Darul Ehsan. Seorang isteri responden tinggal di Seberang Perai dan seorang di Pahang.

Seramai 45.8% tinggal di Wilayah Persekutuan, 50.0% menetap di Selangor Darul Ehsan, seorang di Melaka, seorang di Teluk Intan dan dua orang di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Seramai 68.8% banduan Melayu berjaya ditemu bual, diikuti dengan 20.8% India dan 10.45% keturunan Cina.

Isteri banduan berumur antara 22 tahun hingga 60 tahun. Kumpulan usia 25 tahun ke bawah adalah yang tertinggi bilangannya dan yang paling kurang ialah yang berusia 41 tahun ke atas (Sila Lihat Jadual 1.1).

Jadual 1.1: Umur Isteri

Umur	Bilangan	%
25 tahun ke bawah	33	34.3
26 - 30 tahun	23	24.0
31 - 35 tahun	18	18.7
36 - 40 tahun	15	15.7
41 tahun ke atas	7	7.3
Jumlah	96	100.0

Mereka ditemu bual antara 20hb. Ogos hingga 30hb. September 1993. Persoalan yang dikemukakan ketika temu bual adalah mengenai latar belakang isteri, merangkumi aspek

umur, agama, bangsa pekerjaan sebelum dan setelah suami dipenjarakan, pendapatan dan perbelanjaan sebulan, tahap pendidikan, latar belakang mengenai ibu bapa dan keluarga, tempat tinggal dan dasar perkahwinan

Aspek kedua mengenai hubungan mereka dengan suami, anak, ibu bapa, mertua, saudara mara, ipar duai, rakan sekerja dan jiran sebelum dan selepas suami dipenjarakan. Ketiga berkisar tentang perasaan isteri terhadap hukuman penjara yang dijalani oleh suami dan siapa yang menyebabkan suami dipenjarakan. Keempat mengenai masalah-masalah yang dihadapi dan bagaimana cara isteri mengatasinya. Kelima mengenai rancangan masa depan isteri.

1.3 KAJIAN PERPUSTAKAAN

Bagi melengkapkan kajian ini, maklumat kajian lepas telah diperolehi. Buku, majalah dan makalah adalah bentuk dokumen yang utama sebagai panduan kepada kajian ini. Pauline Morris (1965) Prisoners and their Family, telah mengkaji masalah ekonomi, sosial, psikologi dan keperluan keluarga banduan. Beliau juga melihat cara penyelesaian terhadap masalah yang dialami oleh keluarga banduan ini dan mengutarakan tentang bantuan yang diberikan oleh badan kebijakan yang wujud di United Kingdom (England dan Wales).

Morris telah menunjukkan isteri yang mempunyai jalinan keluarga yang besar dan luas akan meminta bantuan apabila suami dipenjarakan. Hubungan keluarga adalah sama seperti sebelum suami dipenjarakan. Masalah utama yang dihadapi oleh keluarga banduan adalah kewangan dan soal menjaga dan mengawal anak-anak. Selain itu, personaliti isteri turut mempengaruhi penyesuaian yang akan dilakukan apabila suami dipenjarakan.

Calson & Cervera (1991) dalam karya mereka Incarceration, Coping and Support telah mengetengahkan kajian yang dilakukan terhadap 63 orang banduan dan 38 orang isteri banduan yang terlibat dalam Family Reunion Program, dalam menangani masalah keluarga yang dihadapinya. Para isteri telah melakukan pelbagai cara untuk mengurangkan tegangan dan bebanan yang dialami ketika suami dipenjarakan. Menurut Carlson dan Cervera antara kaedah yang dilakukan untuk menangani masalah yang dihadapi adalah dengan meminta bantuan daripada keluarga dan berdoa kepada Tuhan. Selain itu, isteri juga melawat, menulis surat dan menelefon suami di penjara serta mengikuti Family Reunion Program.

My Father is in Prison oleh Joyce Lim (1992) mengisahkan kehidupan Louise Chong (nama samaran), seorang eksekutif pemasaran, apabila bapanya dipenjarakan. Louise telah berhadapan dengan dilema untuk menerima kenyataan bahawa bapanya telah dikenakan hukuman penjara

kerana terlibat dalam satu rompakan. Beliau merahsiakan berita ini daripada semua pihak kerana malu dan takut kehilangan kawan akibat perbuatan bapanya. Beliau juga terpaksa menguruskan perniagaan dan segala hutang piutang bapanya.

Di samping itu, Louise juga memastikan ibunya berada dalam keadaan stabil dan mereka juga tidak bergaduh lagi supaya mereka mampu hidup bahagia walaupun ketiadaan bapa. Dia juga terpaksa menyusun jadual hariannya supaya dapat melawat bapanya dua kali seminggu semata-mata untuk memberi sokongan moral kepadanya dan membuktikan bahawa dia masih menghormati bapanya.

Behavioral Problems in Sons of Incarcerated or Otherwise Absent Fathers: The Issue of Separation oleh Stewart Gabel (1992) mengkaji tentang masalah psikologi yang dialami oleh kanak-kanak lelaki akibat penahanan bapa di penjara berbanding dengan anak yang tidak mempunyai bapa akibat kematian, perceraian dan menyertai perkhidmatan tentera. Menurut Gabel, tekanan perasaan yang dialami kanak-kanak ini hampir sama antara satu sama lain. Gabel mencadangkan, agar pihak ibu dan penjaga memainkan peranan penting bagi mengelakkan tekanan perasaan yang berpanjangan.

Jeniffer Wallace (1981) dalam karyanya, Prison and Mothering: The Hidden Punishment menggambarkan tentang kajian terhadap 292 orang wanita di Midwestern Women Prison yang bimbang akan anak-anak mereka yang ditinggalkan di luar. Mereka takut anak mereka didera oleh anggota keluarga yang lain. Daripada karya Wallace ini, memang ada persamaan di kalangan banduan yang dikaji kerana mereka juga bimbang anak-anak mereka tidak dipedulikan oleh isteri ataupun didera sepanjang peninggalan mereka.

Mary C. Schwartz & Judith F. Weintraub (1974) The Prisoner's Wife: A Study in Crisis menekankan kesan kepenjaraan yang dialami oleh golongan isteri adalah sebagai, " a double crisis for the family: 'demoralization plus dismemberment ". Isteri yang berhadapan dengan keadaan ini akan mengalami 3 masalah utama khususnya dalam hubungan dengan keluarga sendiri, mertua dan anak-anak.

Masalah dengan keluarga sendiri ialah berkaitan dengan sikap ibu bapa yang memarahi menantu yang telah menyebabkan anak perempuan mereka hidup dalam keadaan kucar-kacir. Salah menyalah antara dua pihak sering berlaku. Dalam hubungan dengan anak-anak, tugas menguruskan anak-anak tanpa suami dan menerangkan kedudukan sebenar bapa mereka yang telah dipenjarakan adalah masalah utama bagi isteri. Isteri terpaksa menyelesaikan masalah ini dengan sendiri jikalau tidak mendapat sokongan daripada

ibu bapa, mertua, jiran dan pekerja sosial. Menurut penulis, ada yang menyelesaikan masalah mereka dengan tidur sepanjang hari dan cuba membunuh diri.

Selain itu, Patricia Y. Miller, telah mengulas buku Women at the Wall: A Study of Prisoners' Wives Doing Time on the Outside yang ditulis oleh Laura T. Fishman (1990). Buku itu menggambarkan tentang kehidupan 30 buah keluarga banduan di Vermont, Amerika Syarikat, mengendalikan kehidupan semasa suami di penjara. Fishman menggambarkan tentang kehidupan isteri yang kacau bila apabila suami dipenjarakan. Isteri terpaksa menguruskan keluarga dan dirinya supaya berada dalam keadaan yang terkawal. Ketika ini juga isteri yang mengalami tegangan serta tekanan dan kurang sokongan moral secara langsung merasakan dirinya turut terpenjara.

Selain itu, terdapat juga karya yang hampir serupa khususnya dari aspek penyesuaian dan reaksi isteri dan anak-anak yang tidak mempunyai suami/bapa akibat perceraian dan kematian. Antaranya ialah Mothers Alone oleh Dennis Marsden (1969), yang membincangkan kesukaran seorang ibu tanpa suami dalam mengendalikan kehidupan keluarga seharian. Walaupun Marsden membincangkan ketiadaan bapa kerana meninggal dunia dan bercerai, namun keperitan isteri untuk mengendalikan keluarga amat jelas.

" Fatherlessness brought a change in the families' relationships with kin and community. Mothers without husbands no longer fitted in their own kin and in varying degrees the mothers also felt stigmatized and ostracized by the community. These social strains led to isolation from kin and community."

(Marsen 1969: 234-235)

Menurut Marsden, isteri akan menderita apabila ketiadaan suami, terutama pula sekiranya suami itu seorang yang bertanggungjawab. Oleh itu mereka terpaksa melaksanakan tugas sebagai seorang isteri dan sekali gus mengantikan tempat bapa; tanggungjawab demikian bukanlah perkara yang mudah. Masalah kewangan, kemiskinan dan gangguan emosi adalah antara faktor yang memeritkan kehidupan isteri tanpa suami. Namun begitu, menurut Marsden, bagi isteri yang suaminya tidak bertanggungjawab, ketiadaan suami di sisi adalah sesuatu yang menggembirakan.

Daripada ulasan karya-karya yang dicatat ini, kita akan melihat persamaan dan perbezaan yang dilakukan oleh para isteri tempatan dalam menangani masalah ketiadaan suami. Di samping itu, kita juga ingin menentukan masalah utama yang dihadapi oleh keluarga banduan yang dikaji.

1.4 PENDEKATAN KAJIAN

Dalam membincangkan persoalan mengenai keluarga banduan ini, pendekatan fungsian digunakan bagi menggambarkan keadaan dan kedudukan keluarga. Sebagaimana diketahui umum, keluarga mempunyai fungsi tertentu dan mementingkan kesejahteraan bersama. Apakah keadaan ini berlaku dalam keluarga banduan ini?

Teori Fungsionalisme ini sudah tidak asing lagi di kalangan ahli antropologi dan sosiologi. Teori ini menjelaskan tentang kefungsian sesuatu masyarakat. Tokoh fungsionalis seperti Auguste Comte (1876), Bronislaw Malinowski (1944), Emile Durkheim (1893), Florian Znaniecki (1952) Herbert Spencer (1896; 1898) Radcliffe Brown (1956), Robert K. Merton (1957) dan Talcott Parsons (1951), pada dasarnya membincangkan bahawa sistem sosial yang terdiri daripada bahagian-bahagian tertentu masyarakat mempunyai fungsi tersendiri tetapi saling bergantung.

Walaupun perbincangan tokoh-tokoh ini dalam bidang masing-masing, namun fungsi dalam sistem yang dikaji tetap menjadi persoalan utama. Pendekatan fungsian ini sebenarnya mengkaji dan menganalisis masyarakat serta hubungan sosial yang mempunyai hubung kait sebagai satu sistem yang akhirnya mampu membentuk keadaan keseimbangan dalam masyarakat (Timasheff & G.A. Theodorson 1976)

Tokoh yang membincangkan tentang gambaran mengenai teori ini pada peringkat awal adalah Aristotle (384-322SM) kemudian barulah Auguste Comte (1798-1857) mengaitkan pendekatan Aristotle dalam membincangkan struktur yang masyarakat sebagai satu organisme yang mempunyai peranan tersendiri (Abrahamson 1978). Beliau menegaskan dalam kehidupan sosial masyarakat mempunyai hubung kait dan saling bergantungan. Spencer (1896) dan Durkheim (1893) juga melihat masyarakat sebagai satu organisma biologi dan ahli masyarakat sebagai sel-sel organisma. Seterusnya keadaan ini mempunyai fungsi tertentu untuk mengekalkan keseluruhan sosial yang ada berdasarkan kepada keperluan struktur sosialnya.

Robert Merton (1949) pula melihat ini sebagai satu paradigma. Merton menjelaskan terdapat dua fungsi utama dalam teori ini iaitu " manifest function" dan "latent function".

" Manifest functions refer to specific social or cultural unit's objective consequences that contribute to its adoption or adjustment and were so intended by the participants; latent functions refer to unintended and unrecognized consequences".
(N.S.Timasheff & G.A.Theodorson 1976:262)

Merton sebenarnya cuba memperlihatkan kehidupan sosial yang mempunyai kaitan dengan diri sendiri dalam masyarakat. Menurut beliau, masyarakat adalah sesuatu yang tersusun

rapi dan ideal yang mementingkan kerjasama dan kestabilan. Oleh itu beliau banyak membincangkan konsep struktur, matlamat dan makna kejayaan, intergrasi, penyesuaian individu dan fungsi serta serak berai fungsi.

Menurut M.J. Levy (1952) teori fungsian mempunyai kaitan dengan corak struktur sosial dan kesan kepada kumpulan atau individu yang melakukan fungsi masing-masing. Beliau juga membincangkan tentang fungsi negatif dan positif seperti yang dibincangkan oleh R.K. Merton. Konsep fungsian dan subkonsep fungsian dibincangkan dengan jelas dalam The Structure of Society. Levy juga membincangkan sepuluh keperluan fungsi dalam masyarakat:

- (A) provision for an adequate physiological relationship to setting and for sexual recruitment;
- (B) role differentiation and role assisgnment; (C) communication; (D) share cognitive orientations; (E) a share articulated set of goals;
- (F) regulations of the choice of means;(G) regulation of affective expression;(H) effective control of disruptive form of behavior;
- (I) adequate institutionalization; and (J) adequate socialization

(1952:151-197)

Menurut Levy, jika masyarakat tidak mempunyai ciri dan tidak dapat melaksanakan fungsi yang tercatat di atas sudah pasti berlaku "dysfunction" dan "dysstructure". Tetapi jika semua ciri ini terdapat pada anggota

masyarakat, maka keadaan "enfunction" dan "enstructure" akan wujud.

M.Abrahamson (1978) telah mengemukakan tiga andaian dalam teori fungsian. Pertama segala elemen di dalam suatu sistem itu mempunyai hubung kait antara satu sama lain. Ini bermaksud, setiap elemen mesti mengimbangi fungsi masing-masing supaya keadaan yang seimbang dalam sesuatu sistem akan berterusan. Kedua, komponen yang wujud dalam sesuatu sistem itu akan menyumbangkan tenaganya bagi mengerakkan seluruh sistem yang ada. Dalam konteks ini, komponen yang terlibat mestilah memberi sumbangan yang positif supaya kefungsian sistem akan berlaku dengan baik. Namun begitu tidak dinafikan sumbangan negatif yang juga berlaku dalam sesuatu sistem ini akan mewujudkan "dysfunction". Ketiga, sesuatu sistem boleh mempengaruhi sistem yang lain hingga ini boleh dianggap sebagai subsistem yang lain kepada seluruh organisma tersebut. Ini bermakna, dalam memperkatakan sesuatu sistem, subsistem ataupun satu sistem yang lebih spesifik, persoalan kefungsian tidak boleh diketepikan. Ini kerana fungsi tersebut akan mempengaruhi perjalanan sesuatu sistem tidak kira dalam diri, masyarakat atau keluarga. Menurutnya lagi, teori ini mempunyai kecenderungan untuk mengetengahkan suasana yang seimbang dan harmoni.

Sementara Talcott Parsons (1953) pula membincangkan "adaptation, goal attainment, integration dan latent pattern maintenance" dalam memahami masyarakat secara keseluruhan. Dalam proses pemahaman ini, organisme perlakuan, sistem personaliti, sistem sosial dan sistem budaya menjadi asas utama dalam sesuatu masyarakat itu.

Menurut Parsons (1953), nilai-nilai sepunya yang wujud dalam masyarakat adalah milik bersama. Ini bererti kehendak setiap individu wujud secara saling berkaitan antara satu sama lain dan masyarakat akan mengawasi dan mempengaruhinya supaya kehendak individu itu berlaku dalam keadaan yang terkawal serta pola yang teratur. Malah lebih tepat jika kehendak tersebut bercirikan yang positif. Oleh itu dalam melaksanakan kehendak tersebut, individu memerlukan antaranya matlamat, mempunyai kaedah untuk melaksanakannya dan keadaan yang berkaitan dengan persekitaran individu tersebut. Misalnya sistem nilai, norma dan kepercayaannya. Apabila terdapat ciri-ciri ini, barulah individu dapat melakukan sesuatu tindakan tidak kira sama ada berbentuk positif ataupun sebaliknya.

Berdasar pendapat dan pandangan tokoh-tokoh ini, kajian mengenai keluarga banduan ini akan menggunakan pendekatan fungsian untuk melihat bagaimana keluarga banduan menjalankan fungsi mereka. Fungsi keluarga banyak ditulis oleh ahli sosiologi barat seperti Aberle, et. al.

(1950) Bell & Vogel (1968), Burgess & Locke 1945 (1948), Davis (1959) Murdock (1949), Reiss (1965), Reiss & Oliveri (1980), Richardson & Pfeiffenberger (1983) dan Takeo Doi (1985). Sarjana Barat bersetuju bahawa keluarga adalah asas kepada keharmonian dan kesejahteraan dalam masyarakat. Dari sudut pandangan "functionalists", ketidakfungsian dalam keluarga akan menjejaskan struktur serta mengakibatkan keruntuhan dalam keluarga. Di samping itu, keadaan ini juga mendorong kepada masalah sosial dalam sebuah masyarakat.

Menurut Comte (1798-1857), dalam masyarakat ada tiga struktur yang utama iaitu individu, keluarga, dan kemanusiaan. Namun begitu, adalah ditegaskan bahawa keluarga adalah unit asas dalam struktur masyarakat. Oleh itu keluarga merupakan asas kepada kesejahteraan dan membentuk individu (Timasheff & Theodorson, 1976). Lazimnya keluarga adalah satu kelompok manusia yang dibayangkan hidup bahagia, aman damai dan saling bantu membantu. Namun pada hakikatnya, keadaan sedemikian tidak semestinya wujud dalam setiap keluarga. Segala bentuk masalah dalam keluarga adalah "the dark side of family life" (Harris 1977; Laing 1960).

Berdasarkan kepada pendekatan fungsian ini kita akan melihat, pertama kedudukan keluarga banduan dari segi hubungan dan keadaan sosial sebelum berlaku serak berai iaitu sebelum ketua keluarga (suami-bapa) dihukum penjara.

Dalam konteks ini, kita akan melihat pengurusan rumah tangga yang dilakukan oleh pasangan suami isteri khususnya dari segi hubungan sosial dan keadaan sosio ekonomi keluarga.

Aspek yang kedua pula ketika berlaku serak berai dalam keluarga. Dalam aspek ini, kita akan melihat keadaan "dysfunction" dalam keluarga. Ini merupakan krisis dalam keluarga apabila berlaku perpisahan sementara ("de facto residential separation") akibat ketua keluarga (suami) ditahan di penjara. Sebuah keluarga yang terdiri daripada ibu dan anak sahaja ("dyad") ini merupakan tidak lengkap dari segi sosiologi ("sociologically incomplete") (Morgan 1975). Pada pandangan Goode (1966) pula, satu unit keluarga itu tidak lengkap jikalau tiada ketua keluarga kerana tugas sebagai 'bapa-suami' tidak dapat dilaksanakan. Sejajar dengan ini, akan wujud kesan terhadap keadaaan keluarga khususnya dari segi sosial dan ekonomi.

Aspek ketiga untuk melihat penyesuaian yang dilakukan oleh anggota keluarga untuk memastikan keadaan keluarga mereka terus kekal berfungsi dengan baik. Membentuk kestabilan dalam keluarga, bukanlah satu perkara yang mudah. Kerjasama daripada semua ahli keluarga amatlah diperlukan. Dalam proses penyesuaian ini, isteri/ibu mestilah bersedia berkorban untuk mendapatkan segala keperluan untuk rumahtangganya. Menurut Shaw (1987),

"The whole family suffers and at a time of emotional turmoil, women must still cope financially to provide basic necessities for themselves and their children".

Berdasarkan kepada perbincangan teori ini, kita akan memperlihatkan kesan ketiadaan suami akibat dipenjarakan yang telah menganggu fungsi keluarga. Berjayakah keluarga mengekalkan kefungsian dan kestabilan keluarga? Jika mereka berjaya, apakah strategi yang dilakukan oleh isteri yang kini mengambil alih peranan suaminya.

1.5 KESULITAN SEMASA KAJIAN

Terdapat beberapa masalah sepanjang kajian ini dilakukan. Antara masalah yang dihadapi ialah isteri responden yang berpindah tanpa memberitahu suaminya. Apabila berhadapan dengan keadaan ini saya merujuk kepada pihak penjara. Jikalau keadaan banduan (responden) mengizinkan, saya dibenarkan bertemu dengannya sekali lagi. Jika tidak, pegawai penjara akan memberi nama banduan yang baru sebagai pengganti.

Di samping itu ada juga isteri banduan yang enggan untuk ditemui bual kerana peristiwa yang dilaluinya itu perit dan tidak mahu dikongsi dengan sesiapa pun. Dalam hal ini saya tidak boleh memaksanya. Selain daripada

enggan mengingati peristiwa suami ditahan di penjara, ada juga isteri banduan yang menyorok apabila saya menziarahi mereka kerana malu dengan apa yang berlaku kepada keluarga mereka.

Apabila berhadapan dengan keadaan sebegini saya bertemu dengan suami mereka dan sekali lagi meminta supaya mereka memujuk isteri mereka agar bersetuju untuk ditemubual. Jika isteri tidak mahu ditemui di rumah, saya bersedia menemui mereka di tempat yang merekakehendaki. Misalnya di kedai makan atau di padang permainan kanak-kanak. Ada seorang isteri yang saya temui ketika dia melawat suaminya di penjara.

Ada juga isteri yang enggan berbual dengan saya sebaliknya menyuruh ibunya menjawab semua soalan dan dia akan menokok tambah pendapat ibunya, tanpa menampakkan mukanya kepada saya. Suara sahaja yang dapat didengar, tetapi tubuh badan tidak kelihatan.

Temu bual seringkali terbantut kerana responden, tidak kira sama ada banduan atau isteri, menangis mengenangkan nasib mereka. Selain daripada menjadi penyelidik, ketika di penjara saya juga diharapkan dapat menanamkan kesedaran kepada banduan supaya insaf. Ini merupakan satu tanggungjawab yang dilakukan oleh semua pelawat di penjara.

Semasa di penjara ada juga masa-masa tertentu yang tidak saya lakukan sebarang temu bual. Misalnya Pegawai yang ditugaskan menjaga hal ehwal saya bercuti atau pengawal yang bertanggungjawab mengawasi semasa saya menjalankan temu bual dengan banduan tidak dapat bertugas di tempat temu bual kerana ada tugas lain yang penting. Adakalanya, pertemuan saya dengan banduan tidak boleh dijalankan apabila hari tersebut merupakan pertemuan akhir bagi Banduan Akhir, khususnya hari Isnin dan Khamis. Dalam keadaan sebegini saya mesti mematuhi peraturan pihak penjara kerana ini untuk keselamatan bersama.

Jika berlaku keadaan sebegini, masa yang ada akan digunakan untuk membaca rekod banduan untuk mendapatkan maklumat seperti biodata dan kesalahan yang dilakukan. Semasa temu bual dengan banduan, segala kegiatan jenayah yang dilakukan sebelum ini tidak ditanya, melainkan banduan menceritakannya.

Selain daripada masalah banduan dan isteri, masalah lain adalah untuk mendapatkan bahan bacaan tempatan dalam bidang ini kerana kebanyakan kajian tempatan lebih menjurus kepada aspek psikologi banduan tanpa melibatkan keluarga. Banyak kajian di luar negara tentang keluarga banduan tetapi kurang di pasaran tempatan.

1.6 BATASAN KAJIAN

Kajian mengenai keluarga banduan ini adalah terhad kepada keadaan banduan selaku suami, dan isteri serta anak-anak. Persoalan mengenai kehidupan banduan di penjara tidak disentuh secara meluas kerana ini memerlukan penelitian yang lengkap dan kaedah pemerhatian ini sukar dilakukan kerana faktor keselamatan.

Hubungan kekeluargaan dalam kajian ini terhad kepada suami dan isteri sahaja. Maklumat mengenai sikap mertua dan ibu bapa adalah bergantung kuat kepada pandangan suami dan isteri. Keadaan yang sama dilakukan dalam mendapatkan maklumat mengenai anak-anak dalam keluarga banduan. Suami dan isteri akan memberitahu perubahan atau keadaan anak mereka masing-masing.

Kajian ini hanya menekankan konsep kefungsian keluarga dan kemusnahan fungsian tersebut apabila berlaku permisahan sementara antara suami dan isteri serta tindakan yang diambil oleh mereka dalam mengatasi masalah ketidakseimbangan dalam keluarga masing-masing.